

Penilaian Bahasa Isyarat Baharu untuk Pengajaran dan Pembelajaran Solat bagi Orang Pekak
[Evaluation of New Sign Language for Teaching and Learning of Prayers for Deaf People]

Siti Ramna Khamaruddin

Corresponding Author

Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam,
Universiti Sains Islam Malaysia
amnamuhammad94@gmail.com

Nurul Asiah Fasehah Muhamad,

Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam,
Universiti Sains Islam Malaysia
nurulasiahfasehah@usim.edu.my

Norakyairee Mohd Raus,

Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam,
Universiti Sains Islam Malaysia
norakyairee@usim.edu.my

Adnan Mohamed Yusoff,

Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam,
Universiti Sains Islam Malaysia
adnan@usim.edu.my

Manuscript Received Date: 02/03/20

Manuscript Acceptance Date: 30/09/20

Manuscript Published Date: 06/11/20

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact usimpress@usim.edu.my

doi: 10.33102/uj.vol32no1.01



Mahyuddin Hashim

Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam,
Universiti Sains Islam Malaysia
mahyuddin@usim.edu.my

Noornajihan Ja'afar

Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam,
Universiti Sains Islam Malaysia
noornajihan@usim.edu.my

Mohd Nur Adzam Rasdi

Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam,
Universiti Sains Islam Malaysia
nuradzam@usim.edu.my

Abstrak

Bahasa isyarat merupakan bahasa utama yang digunakan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) solat bagi orang pekak. Walaubagaimanapun, terdapat bahasa isyarat yang mempunyai kekeliruan dari segi bentuk dan makna sebenar istilah tersebut kerana dibangunkan berdasarkan cara hidup dan kefahaman orang pekak. Justeru, kajian ini menilai bahasa isyarat baharu yang dibangunkan untuk memastikan proses (PdP) solat bagi orang pekak dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Kajian ini menggunakan Cohen Kappa untuk analisis penilaian kesepakatan lima orang pakar daripada bidang agama dan enam orang daripada bidang bahasa isyarat. Selain daripada itu, pendekatan kualitatif melalui temu bual berkumpulan juga turut dijalankan bagi memperkayakan dapatan kajian. Berdasarkan dapatan kajian, penilaian ini telah mencapai Indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.87, iaitu pada tahap skala sangat baik bagi keseluruhan bahasa isyarat baharu yang dibangunkan. Implikasinya, penilaian ini dapat menyediakan bahasa isyarat yang selari dengan makna agama dan kefahaman orang pekak di Malaysia dalam (PdP) solat.

Kata kunci: Penilaian; Bahasa Isyarat; Pengajaran dan Pembelajaran; Solat; Pekak

Abstract

The sign language is the main language used in the teaching and learning approach (PnP) of *solat* (prayer) for deaf people. However, there have been sign language confusions in terms of form and the true meaning of the term. This is because the signs are developed based on the custom and understanding of the deaf. Hence, this study evaluates new sign language

developed to ensure the process (PnP) of *solat* (prayer) for the deaf can be carried out more effectively. This study utilises Cohen Kappa for analysis of the evaluation of five experts from the field of religion and six from the field of sign language. In addition, a qualitative approach through group interviews is also conducted to enrich the findings. Based on the findings of the study, this evaluation has achieved the Cohen Kappa Coefficient Index at 0.87 level, which is at an excellent scale level for the whole new sign language developed. In terms of implication, this evaluation can provide a sign language parallel to the religious meaning and understanding of the deaf in Malaysia in (PnP) *solat*.

Keywords: *Evaluation; Sign language; Teaching and learning; Prayers; Deaf*

1. Pendahuluan

Bahasa isyarat adalah bahasa visual. Golongan pekak mengangkat bahasa isyarat sebagai bahasa ibunda mereka sebagai medium berkomunikasi dalam meluahkan rasa, pendapat, idea, perasaan dan sebagainya. (Kincaid, 2012; Laughran, 2013; Wilbur, 2013; Abdullah Yusoff, 2014; Muhammad Suyuti, 2016; Hamdi Ishak, 2017; Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2017; Sariah Ibrahim, 2018). Begitu juga keadaanya, dalam (PdP) *solat* kepada orang pekak, bahasa isyarat berperanan untuk memudahkan orang pekak memahami istilah-istilah yang berkaitan dengan *solat*, cara mengerjakan *solat*, pergerakan *solat*, pembacaan dalam *solat*, jenis-jenis *solat* dan sebagainya (Hamdi Ishak, 2010^a; Hamdi Ishak, 2010^b; Mohd Huzairi Awang et al., 2010; Siti Muhibbah, 2010; Zakarna et al., 2013; Muhammad Suyuti, 2016; Syar Meeze Rashid et al., 2017; Sariah Ibrahim, 2018).

Bagi memastikan keberkesanan penggunaan bahasa isyarat dalam (PdP) *solat* kepada orang pekak, penilaian daripada kesepakatan pakar bidang agama dan bahasa isyarat amat diperlukan untuk memastikan bahasa isyarat baharu yang dihasilkan selari dengan makna sebenar dalam agama dan kefahaman orang pekak di Malaysia. Hal ini, sangat penting bagi mengelakkan salah faham orang pekak semasa proses (PdP) *solat* berlangsung. Justeru, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan Cohen Kappa sebagai instrumen untuk menilai kesepakatan pakar terhadap bahasa isyarat baharu yang dibangunkan berdasarkan temu bual berkumpulan yang dijalankan terhadap sebelas orang pakar yang terdiri daripada lima orang dari bidang agama dan enam orang dari bidang bahasa isyarat sebagai peserta kajian. Diharapkan dengan adanya penilaian ini, dapat menyediakan bahasa isyarat yang selari dengan makna agama dan kefahaman orang pekak di Malaysia.

Permasalahan Kajian

Bahasa isyarat merupakan medium utama golongan pekak mempelajari ilmu termasuk ilmu agama (Hamdi Ishak, 2010; Haung, 2012; Wilbur, 2013; Loughran 2013; Berelay, Rider

Donbo, 2013; Friedner, 2014; Lieberman et. al, 2014; Syar Meeze Mohd Rashid , 2015; Amir Hamidi, 2018;). Namun begitu, bahasa isyarat agama yang dibangunkan di Malaysia tidak dinilai oleh pakar dalam bidang agama dan hanya dibangunkan oleh komuniti pekak sendiri (Sariah Ibrahim, 2018; Amir Hamidi, 2018). Menurut kajian Wilbur (2013) dan William (2015) secara amnya bahasa isyarat dibangunkan mengikut cara hidup dan pengalaman komuniti pekak negara itu sendiri. Walaubagaimanapun, dalam bahasa isyarat agama cara pendekatan ini tidak boleh digunakan kerana terdapat istilah agama yang abstrak dan perlu kepada penilaian daripada bidang agama untuk menghuraikan istilah tersebut. Hasil temu bual pimpinan barisan orang pekak, Sariah Ibrahim (2018) dan Amir Hamidi (2018) turut bersetuju dengan kenyataan diatas. Tambahannya lagi, sebahagian bahasa isyarat yang dibangunkan sukar untuk difahami dan keliru kerana sebahagiannya diambil daripada buku bahasa isyarat Qatar yang berlainan dengan budaya dan pemahaman orang pekak di Malaysia. Justeru, penilaian untuk mendapatkan kesepakatan persetujuan golongan pakar dalam bidang agama dan bahasa isyarat sangat penting untuk memastikan bahasa isyarat baharu yang dihasilkan selari dengan makna sebenar dalam agama dan kefahaman orang pekak di Malaysia. Hal ini sekali gus menjadikan proses (PdP) solat kepada orang pekak lebih berkesan.

Objektif

Bahasa isyarat merupakan bahasa utama yang digunakan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) solat bagi orang pekak. Bagi memastikan keberkesanan penggunaan bahasa isyarat dalam (PdP) solat kepada orang pekak, penilaian daripada kesepakatan pakar bidang agama dan bahasa isyarat amat diperlukan untuk memastikan bahasa isyarat baharu yang dihasilkan selari dengan makna sebenar dalam agama dan kefahaman orang pekak di Malaysia. Justeru, kajian ini menilai bahasa isyarat baharu yang dibangunkan untuk pengajaran dan pembelajaran solat dengan menggunakan analisis Kohen Kappa dalam memastikan proses (PdP) solat bagi orang pekak dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Kajian Literatur

Kajian mengenai penilaian sesebuah bahasa isyarat agama tidak diceritakan secara meluas melainkan kajian mengenai pembentukan bahasa isyarat agama tersebut. Kajian berkaitan dengan Bahasa Isyarat agama di peringkat global masih bertumpu kepada agama Kristian namun belum menyentuh secara terperinci terhadap pembangunan aspek kerohanian (Barclay, Rider dan Dombo 2013). Malah, Friedner (2014) dan Barclay, Rider dan Dombo (2013) bersetuju bahawa aspek kerohanian dan agama penting untuk golongan pekak bagi membantu mereka membangunkan diri mereka dan bahasa isyarat merupakan medium utama bagi proses pembelajaran agama ini dapat disalurkan.

Di Malaysia, bahasa isyarat yang berkaitan dengan terminologi agama mula diperkenalkan pada tahun 2014 dengan penerbitan Buku Isyarat-isyarat Islam terbitan daripada Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) (Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia, 2014). Hal ini kerana melihat kesungguhan dan minat orang pekak Islam untuk mempelajari agama dan juga memenuhi tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Dalam usaha menerbitkan buku ini, PRISMA telah pergi ke Arab Saudi untuk mengumpul dan mengkaji tentang bahasa isyarat disana sebagai rujukan. Menurut Mohd Sazali Shaari, presiden Persatuan Orang Pekak Malaysia, pada 10 November 2013 beliau dan dua orang wakil daripada PRISMA telah dijemput untuk menyertai Forum OKU Pekak Muslim diperingkat antarabangsa di Doha, Qatar. Hasil daripada itu, beliau telah dihadihkan *al-Kamus al-Isyari Lil Sum* terbitan daripada Persatuan Orang Pekak Qatar. Menurutnya, buku Isyarat-isyarat Islam ini hasil daripada kombinasi isyarat yang telah diambil daripada kamus tersebut dan isyarat tempatan yang sedia ada (Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia, 2014).

Penggunaan bahasa isyarat di dalam pengajaran dapat menarik minat golongan pekak untuk belajar kerana bahasa isyarat merupakan bahasa utama mereka (Wilbur, 2013). Oleh itu, penggunaan bahasa isyarat dalam mempelajari pendidikan Islam khususnya fardhu ain dapat menarik minat golongan pekak untuk mendalami ilmu agama (Huzairi Awang et. al., 2010). Perkara ini disokong oleh McKee (2013) mengatakan bahawa menggunakan bahasa isyarat golongan pekak lebih mudah memahami ilmu yang disampaikan dan berasa berminat untuk mempelajarinya dalam sesuatu pengajaran. Sehubungan itu, jelaslah disini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa isyarat akan dapat menarik minat golongan pekak untuk mempelajari Islam.

Seterusnya, penggunaan bahasa isyarat dapat memudahkan komunikasi golongan pekak (Abdullah Yusoff et. al., 2009). Penggunaan bahasa isyarat di dalam pengajaran akan membolehkan golongan pekak bertanya, mengemukakan pendapat atau idea (Ross et. al., 2009). Selain itu, penyampaian dakwah dan agama dapat disampaikan dengan baik dan pemahaman mereka berkaitan agama akan dapat ditingkatkan jika menggunakan bahasa isyarat dalam komunikasi kepada golongan pekak. (Zakarna, et. al., 2013). Perkara ini disokong oleh Huzairi Awang et. al., (2010) pengajaran pendidikan Islam terutamanya dalam aspek fardhu ain seperti solat perlu disampaikan dalam bentuk bahasa isyarat dan golongan yang mengajar golongan pekak perlulah menguasai bahasa isyarat. Oleh itu, jelaslah bahawa dalam pengajaran pendidikan Islam, adalah amat digalakkan menggunakan bahasa isyarat supaya golongan pekak dapat memahami dengan lebih baik mengenai perkara yang disampaikan.

Justeru, kajian mengenai penilaian kesepakatan pakar dalam bidang agama dan bahasa isyarat sangat penting supaya bahasa isyarat agama yang dihasilkan menepati maksud seperti yang dituntut dalam agama dan dapat memastikan proses (PdP) solat itu boleh

berjalan dengan lancar dan memberi kefahaman yang jelas kepada orang pekak mengenai solat.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan analisis Cohen Kappa untuk menilai kesepakatan pakar terhadap bahasa isyarat baharu yang dibangunkan. Selain daripada itu, pendekatan kualitatif melalui temu bual berkumpulan juga turut dijalankan bagi memperkayakan dapatan kajian. Setiap peserta kajian dikenali dengan PK 1 sehingga PK11 bagi menjaga kerahsiaan. Dan setiap bahasa isyarat yang dibangunkan dikoding dengan T1 sehingga T63 sebagai tema (T). Pengkaji menggunakan analisis Cohen Kappa untuk menilai kesepakatan pakar terhadap bahasa isyarat baharu yang dibangunkan. Protokol temu bual berkumpulan juga dijalankan bagi meneroka kedalaman dapatan kajian seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2007). Temu bual jenis ini sangat berguna untuk mengumpul maklumat-maklumat mengenai sesuatu isu daripada sekumpulan peserta kajian yang menjalankan tugas bersama-sama, di mana setiap peserta kajian mengambil berat dan saling memahami apa yang dikatakan oleh peserta kajian yang lain. Melalui perbincangan dan perbahasan antara peserta kajian, lebih banyak maklumat yang dapat dikemukakan. Dalam kajian ini, pengkaji juga dibantu oleh beberapa rakan pengkaji untuk merekod setiap pandangan peserta kajian supaya setiap data boleh dikumpulkan dan dianalisis dengan tersusun. Data-data yang dikumpul akan ditulis semula dalam bentuk skrip dan satu salinan yang lengkap yang telah disiapkan diserahkan semula kepada peserta kajian untuk semakan pengesahan atau menambah atau mengurangkan mana-mana bahagian dalam temu bual tersebut. Kemudian, dapatan ini juga telah disemak oleh dua orang pakar yang dilantik untuk melakukan semakan ke atas ketepatan istilah yang digunakan sahaja. Hal ini dilakukan oleh dua orang pakar dalam bahasa isyarat. Dalam dapatan kajian, pengkaji menganalisis sebab setuju dan tidak setuju oleh peserta kajian terhadap sesuatu bahasa isyarat baharu yang dibangunkan secara tematik dan menghuraikannya dengan mengaitkan salah satu contoh tema (T) yang bersesuaian.

Penilaian Cohen Kappa

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis Cohen Kappa dengan menambah kesemua nilai Cohen bagi semua persetujuan pakar kemudian dibahagikan dengan bilangan pakar berdasarkan formula yang dicadangkan untuk mendapat purata Nilai Kappa Kofiesien secara keseluruhan bahasa isyarat baharu yang dibangunkan. Pengkaji juga menggunakan formula yang dicadangkan bagi menilai persetujuan setiap pakar dan setiap bahasa isyarat baharu yang dibangunkan

Analisis Indeks Cohen Kappa diperkenalkan oleh Jacob Cohen dalam artikel beliau "A Coefficient of Agreement For Nominal Scales". Cohen (1960) telah memperkenalkan satu kaedah untuk menentukan kebolehpercayaan data kualitatif dalam bentuk temu bual.

Menurut beliau “*The procedure which suggests itself is that of having two (or more) judges independently categorize a sample of units and determine the degree, significance, and sampling stability of their agreement*” (Cohen 1960, 37-38). Justeru, analisis Indeks Cohen Kappa bertujuan untuk mencari darjah persetujuan unit analisis dengan tema atau konstruk yang dikaji. Ini dibuat dengan memadankan unit daripada data temubual dengan tema-tema yang dominan dalam sesuatu data kualitatif seperti dalam temu bual. Terdapat beberapa pendapat tentang Indeks analisis Cohen Kappa dalam menentukan darjah persetujuan antara penilai (pakar) dalam kajian kualitatif. Steven (1958) menyatakan persetujuan antara penilai-penilai adalah penting untuk menentukan nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi setiap unit yang digunakan untuk menggambarkan sesuatu tema. Landis dan Kosh (1977) mencadangkan cara pengiraan persetujuan menggunakan skala Cohen Kappa.

Jadual 1.1: Skala interpretasi nilai Koefisien Kappa

Interpretasi	Nilai Kappa
Sangat baik	0.81 – 0.99
Baik	0.61 – 0.80
Sederhana	0.41 – 0.60
Sederhana lemah	0.21 – 0.40
Lemah	0.00 – 0.20
Sangat lemah Bawah	0.00

Sumber: Cohen (1960)

Bagi mendapatkan nilai tersebut, formula berikut digunakan:

$$K = \frac{f_a - f_c}{N - f_c}$$

Di mana

K = nilai Cohen Kappa

Fa = unit persetujuan

Fc = 50 peratus jangkakan persetujuan

N = bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan.

3. Dapatan Kajian

Latar Belakang Peserta Kajian

Seramai sebelas orang telah dipilih sebagai peserta kajian. Mereka terdiri daripada lima orang pakar dalam bidang agama dan enam orang pakar dalam bidang bahasa isyarat. Berikut

menunjukkan kesemua peserta kajian memiliki latar belakang pendidikan yang baik berdasarkan bidang kepakaran masing-masing. Pemilihan peserta kajian tersebut berdasarkan tiga kriteria asas berdasarkan bidang kepakaran masing-masing. Bagi pakar dalam bidang agama tiga kriteria asas; (i) latar pendidikan bidang agama, (ii) berpengetahuan dalam pendidikan khas (ii) berpengalaman dengan golongan pekak. Manakala pakar dalam bidang bahasa isyarat tiga kriteria asas; (i) tahu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat, (ii) berpengetahuan luas tentang bahasa isyarat (iii) berpengalaman terlibat dalam pembangunan bahasa isyarat.

Dapatan Penilaian Cohen Kappa

Berdasarkan Jadual 1.4 (Lampiran 2), setelah dikira nilai persetujuan sebelas pakar, pengkaji telah memperoleh Indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.87, iaitu pada tahap skala sangat baik bagi keseluruhan bahasa isyarat baharu untuk (PdP) solat bagi orang pekak. Menurut Fleiss (1981) dan Gardner (1995), nilai yang melebihi 0.75 adalah terbaik di atas 50 peratus jangkakan persetujuan antara penilai. Sementara nilai koefisien antara 0.40 hingga 0.75 menunjukkan nilai sederhana di atas peratus jangkakan persetujuan. Nilai 0.40 dan ke bawah adalah lemah kerana berada di bawah 50 peratus jangkakan persetujuan (lihat Jadual 1.1). Peroses pengiraan indeks Cohen Kappa yang dipaparkan pada Jadual 1.4 di atas menunjukkan bahawa terdapat 63 istilah bahasa isyarat baru yang dibangunkan sebagai tema dan didapati masing-masing pakar telah memberikan persetujuan mereka terhadap bahasa isyarat baru yang dibangunkan. PK1, PK2, PK 3, PK 4, PK 5 dan PK 10 telah bersetuju terhadap 62 tema ($f_a=62$) dan satu tema tidak bersetuju, PK6 bersetuju 59 tema ($f_a=59$) dan empat tema tidak bersetuju, PK7 bersetuju 44 tema ($f_a=44$) dan sembilan belas tema tidak bersetuju, PK8 bersetuju 61 tema ($f_a=61$) dan dua tema tidak bersetuju, PK9 bersetuju 57 tema ($f_a=57$) dan enam tema tidak setuju dan akhir PK 11 bersetuju 53 tema ($f_a=53$) dan sepuluh tema tidak bersetuju. Setelah mengira hasil persetujuan pakar tersebut menggunakan formula yang dicadangkan, nilai indeks Cohen Kappa yang diperolehi adalah; PK1 $K = 0.98$, PK2 $K = 0.98$, PK3 $K = 0.98$, PK4 $K = 0.98$, PK5 $K = 0.98$, PK6 $K = 0.87$, PK7 $K = 0.39$, PK8 $K = 0.94$, PK9 $K = 0.81$, PK10 $K = 0.98$, PK11 $K = 0.68$. Dan indeks Cohen Kappa secara keseluruhannya adalah $K=0.87$, iaitu purata Keseluruhan Nilai Kappa Kofiesie yang sangat baik.

Purata Keseluruhan Nilai Kappa Kofiesie bahasa isyarat baharu yang dibangunkan.

Jadual 1.4: Nilai Keseluruhan Persetujuan bagi semua bahasa isyarat baharu yang dibangunkan

	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6	PK7	PK8	PK9	PK10	PK11
Nilai	$K = \frac{62-32}{63-32}$	$K = \frac{62-32}{63-32}$	$K = \frac{62-32}{63-32}$	$K = \frac{62-32}{63-32}$	$K = \frac{62-32}{63-32}$	$K = \frac{59-32}{63-32}$	$K = \frac{44-32}{63-32}$	$K = \frac{61-32}{63-32}$	$K = \frac{57-32}{63-32}$	$K = \frac{62-32}{63-32}$	$K = \frac{53-32}{63-32}$
Persetujuan											
Kappa	$K = \frac{30}{31}$	$K = \frac{30}{31}$	$K = \frac{30}{31}$	$K = \frac{30}{31}$	$K = \frac{30}{31}$	$K = \frac{27}{31}$	$K = \frac{12}{31}$	$K = \frac{29}{31}$	$K = \frac{25}{31}$	$K = \frac{30}{31}$	$K = \frac{21}{31}$
Koefisien											
Setiap PK	$N = 0.98$	$N = 0.98$	$N = 0.98$	$N = 0.98$	$N = 0.98$	$N = 0.87$	$N = 0.39$	$N = 0.94$	$N = 0.81$	$N = 0.98$	$N = 0.68$
					$\frac{0.98 + 0.98 + 0.98 + 0.98 + 0.98 + 0.87 + 0.39 + 0.94 + 0.81 + 0.98 + 0.68}{11}$						
Purata Keseluruhan Nilai Kappa			<u>Semua nilai K</u>			$\frac{9.57}{11}$					
Kofiesie			Bilangan pakar			$= 0.87$					

Nilai Persetujuan Kappa Koefisien setiap peserta kajian (PK)

Jadual 1.5: Nilai Persetujuan Kappa Koefisien setiap peserta kajian (PK)

PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6	PK7	PK8	PK9	PK10	PK11
K =	K =	K =	K =	K =	K =	K =	K =	K =		
<u>62-</u>	<u>62-</u>	<u>62-</u>	<u>62-</u>	<u>62-</u>	<u>59-</u>	<u>44-</u>	<u>61-</u>	<u>57-</u>	K =	K =
<u>32</u>	<u>32</u>	<u>32</u>	<u>32</u>	<u>32</u>	<u>32</u>	<u>32</u>	<u>32</u>	<u>32</u>	<u>62-32</u>	<u>53-32</u>
63-	63-	63-	63-	63-	63-	63-	63-	63-	63-32	63-32
32	32	32	32	32	32	32	32	32		
									K =	K =
K =	K =	K =	K =	K =	K =	K =	K =	K =	<u>30</u>	<u>21</u>
<u>30</u>	<u>30</u>	<u>30</u>	<u>30</u>	<u>30</u>	<u>27</u>	<u>12</u>	<u>29</u>	<u>25</u>	31	31
31	31	31	31	31	31	31	31	31		
									N =	N =
N =	N =	N =	N =	N =	N =	N =	N =	N =	0.98	0.68
0.98	0.98	0.98	0.98	0.98	0.87	0.39	0.94	0.81		

Berdasarkan Jadual 1.5, terdapat enam orang PK yang mempunyai nilai persetujuan Kappa yang sama, K=0.98 iaitu semua pakar bidang agama, PK1, PK2, PK3, PK4, dan PK5 dan seorang daripada bidang bahasa isyarat, PK10. Keenam-enam mereka bersetuju terhadap 62 tema (fa= 62) dan satu tema tidak bersetuju. Kemudian, diikuti dengan nilai persetujuan Kappa, K= 0.94 daripada PK 8 yang merupakan pakar bidang bahasa isyarat. PK8 bersetuju 61 tema (fa=61) dan dua tema tidak bersetuju. Seterusnya, PK9 juga merupakan pakar bidang bahasa isyarat telah mencapai nilai persetujuan Kappa K= 0.81, PK9 telah bersetuju terhadap 57 tema (fa= 57) dan enam tema tidak bersetuju. Kemudian, diikuti dengan nilai persetujuan Kappa daripada PK11 juga pakar daripada bidang bahasa isyarat, K= 0.68. PK 11 telah bersetuju bersetuju 53 tema (fa=53) dan sepuluh tema tidak bersetuju. Akhir sekali, jumlah nilai persetujuan Kappa yang paling rendah daripada PK7 iaitu K=0.39. PK7 PK7 bersetuju 44 tema (fa=44) dan sembilan belas tema tidak bersetuju. Secara keseluruhan, terdapat sembilan orang PK telah mencapai skala interpretasi nilai Koefisien Kappa yang sangat baik dalam lingkungan (K=0.81 – 0.99) iaitu (K=0.98 :PK1, PK2, PK 3, PK 4, PK 5 dan PK 10), (K=0.94 : PK8), dan (K=0.81 :PK9). Kemudian, diikuti dengan skala interpretasi nilai Koefisien Kappa yang baik dalam lingkungan (K=0.61 – 0.80) daripada PK11 (K=0.68). Dan akhir sekali PK7 telah mencapai skala interpretasi nilai Koefisien Kappa yang sederhana lemah dalam lingkungan (K=0.21 – 0.40) iaitu sebanyak (K=0.39).

Nilai persetujuan Kappa Koefisien setiap tema bahasa isyarat yang dibangunkan (T)

Jadual 1.6: Nilai Persetujuan Kappa Koefisien setiap tema (T)

(T)	Nilai K	(T)	Nilai K	(T)	Nilai K	(T)	Nilai K	(T)	Nilai K
	$K = \frac{10-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{9-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$
T1	$K = \frac{4}{5}$	T2	$K = \frac{5}{5}$	T3	$K = \frac{2}{5}$	T4	$K = \frac{5}{5}$	T5	$K = \frac{5}{5}$
	N = 0.8		N = 1.0		N = 0.6		N = 1.0		N = 1.0
	$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$
T6	$K = \frac{5}{5}$	T7	$K = \frac{5}{5}$	T8	$K = \frac{5}{5}$	T9	$K = \frac{5}{5}$	T10	$K = \frac{5}{5}$
	N = 1.0		N = 1.0		N = 1.0		N = 1.0		N = 1.0
	$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{10-6}{11-6}$
T11	$K = \frac{5}{5}$	T12	$K = \frac{5}{5}$	T13	$K = \frac{5}{5}$	T14	$K = \frac{5}{5}$	T15	$K = \frac{4}{5}$
	N = 1.0		N = 1.0		N = 1.0		N = 1.0		N = 0.8
	$K = \frac{10-6}{11-6}$		$K = \frac{4-6}{11-6}$		$K = \frac{10-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$
T16	$K = \frac{4}{5}$	T17	$K = \frac{-2}{5}$	T18	$K = \frac{4}{5}$	T19	$K = \frac{5}{5}$	T20	$K = \frac{5}{5}$
	N = 0.8		N = -0.4		N = 0.8		N = 1.0		N = 1.0
	$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{9-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{11-6}{11-6}$		$K = \frac{9-6}{11-6}$
T21		T22	$K = \frac{2}{5}$	T23		T24		T25	$K = \frac{2}{5}$

	$K = \frac{5}{5}$	5	$K = \frac{5}{5}$	$K = \frac{5}{5}$	5
	N = 1.0	N = 0.6	N = 1.0	N = 1.0	N = 0.6
	$K = \frac{9-6}{11-6}$	$K = \frac{10-6}{11-6}$	$K = \frac{10-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{7-6}{11-6}$
T26	$K = \frac{2}{5}$	T27 $K = \frac{4}{5}$	T28 $K = \frac{4}{5}$	T29 $K = \frac{5}{5}$	T30 $K = \frac{1}{5}$
	N = 0.6	N = 0.8	N = 0.8	N = 1.0	N = 0.2
	$K = \frac{7-6}{11-6}$	$K = \frac{7-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$
T31	$K = \frac{1}{5}$	T32 $K = \frac{1}{5}$	T33 $K = \frac{5}{5}$	T34 $K = \frac{5}{5}$	T35 $K = \frac{5}{5}$
	N = 0.2	N = 0.2	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0
	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$
T36	$K = \frac{5}{5}$	T37 $K = \frac{5}{5}$	T38 $K = \frac{5}{5}$	T39 $K = \frac{5}{5}$	T40 $K = \frac{5}{5}$
	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0
	$K = \frac{9-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{10-6}{11-6}$
T41	$K = \frac{2}{5}$	T42 $K = \frac{5}{5}$	T43 $K = \frac{5}{5}$	T44 $K = \frac{5}{5}$	T45 $K = \frac{4}{5}$
	N = 0.6	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0	N = 0.8
	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$	$K = \frac{11-6}{11-6}$
T46	11-6	T47 6	T48 6	T49 6	T50 6
	$K = \frac{5}{5}$	$K = \frac{5}{5}$	$K = \frac{5}{5}$	$K = \frac{5}{5}$	$K = \frac{5}{5}$

	5	5	5	5	N = 1.0
	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0	
	$K = \frac{11-6}{6}$	$K = \frac{11-6}{6}$	$K = \frac{11-6}{6}$	$K = \frac{11-6}{6}$	$K = \frac{11-6}{6}$
T51	$K = \frac{5}{5}$	T52	$K = \frac{5}{5}$	T53	$K = \frac{5}{5}$
	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0	N = 1.0
	$K = \frac{11-6}{6}$	$K = \frac{10-6}{6}$	$K = \frac{11-6}{6}$	$K = \frac{9-6}{11-6}$	$K = \frac{9-6}{11-6}$
T56	$K = \frac{5}{5}$	T57	$K = \frac{4}{5}$	T58	$K = \frac{2}{5}$
	N = 1.0	N = 0.8	N = 1.0	N = 0.6	N = 0.6
	$K = \frac{7-6}{11-6}$	$K = \frac{10-6}{11-6}$	$K = \frac{9-6}{11-6}$		
T61	$K = \frac{1}{5}$	T62	$K = \frac{4}{5}$	T63	$K = \frac{2}{5}$
	N = 0.4	N = 0.8	N = 0.6		

Berdasarkan Jadual 1.6, terdapat 63 bentuk bahasa isyarat baru sebagai tema (T) yang dibangunkan untuk (PdP) solat bagi orang pekak. Terdapat 40 tema yang mempunyai nilai persetujuan Kappa yang sangat baik, $K = 1.0$ yang mendapat persetujuan keseluruhan pakar daripada kedua-dua bidang, iaitu T2, T4, T5, T6, T7, T8, T9, T10, T11, T12, T13, T19, T20, T21, T23, T24, T29, T33, T34, T35, T36, T37, T38, T39, T40, T42, T43, T44, T46, T47, T48, T49, T50, T51, T52, T53, T54, T55, T56 dan T58. Kemudian, diikuti dengan 10 tema yang telah dipersetujui oleh 10 daripada 11 orang peserta kajian yang telah mendapat nilai persetujuan Kappa yang baik, $K = 0.8$ iaitu T1, T14, T15, T16, T18, T27, T28, T45, T57, dan T62. Seterusnya, terdapat 8 tema yang telah dipersetujui oleh 9 daripada 11 orang peserta kajian yang telah mendapat nilai persetujuan Kappa yang sederhana, $K = 0.6$ iaitu T3, T22, T25, T26, T41, T59, T60 dan T60. Kemudian, diikuti dengan satu tema yang mendapat persetujuan 8 daripada 11 orang peserta kajian dengan mencatat nilai persetujuan Kappa yang sederhana lemah, $K = 0.4$ iaitu T61. Seterusnya, terdapat 3 tema iaitu T30, T31

dan T32 telah dipersetujui oleh 7 daripada 11 orang peserta kajian yang telah mendapat nilai persetujuan Kappa yang lemah, $K = 0.2$. Dan akhir sekali, terdapat satu tema yang mendapat nilai persetujuan Kappa yang sangat lemah bawah, $K = -0.4$ dengan mencatat persetujuan 5 daripada 11 orang peserta kajian sahaja.

Dapatan kualitatif temu bual

Bagi memperkayakan lagi dapatan kajian, pengkaji menemu bual 11 orang peserta kajian tersebut untuk meneroka sebab persetujuan yang telah dilakukan terhadap sesuatu bahasa isyarat yang dibangunkan. Pengkaji telah mentranskripsi dan menganalisis jawapan peserta kajian secara tematik seperti jadual dibawah:

Jadual 1.7: Dapatan temu bual berkumpulan berdasarkan tema

Tema	Peserta kajian (PK)											
	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6	PK7	PK8	PK9	PK10	PK11	
Sesuai dari segi maksud istilah sebenar	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Sesuai dengan pemahaman orang pekak di Malaysia	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Sebab Setuju Memberi visual yang jelas	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Bahasa isyarat sudah ada lazim dalam kehidupan seharian orang pekak						x	x	x	x	x	x	x
Tidak ikut maksud istilah sebenar	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Sebab Tidak setuju Sesuai mengambil isyarat daripada Qatar							x					x
Bahasa isyarat sudah ada								x		x		

lazim dalam
kehidupan
seharian orang
pekak

Tema Sebab Setuju

1. Sesuai dari segi maksud istilah sebenar

Berdasarkan dapatan temu bual, kesemua PK bersetuju dengan sesuatu bahasa isyarat yang dibangunkan kerana sesuai dengan maksud sebenar istilah tersebut terutama bagi istilah yang tiada bahasa isyarat sebelum ini. Salah satu contohnya (T54: Solat Jenazah). Peserta kajian yang menyatakan tentang perkara ini adalah seperti berikut;

...isyarat solat jenazah ini memang tepati maksud sebenarnya..(PK1, PK2, PK3, PK4, dan PK5)

...isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat solat jenazah) memang sesuai dengan maksud...(PK6 dan PK9)

..saya setuju dengan isyarat tersebut sebab membawa maksud yang betul...(PK7)

...isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat solat jenazah) ini bagus boleh menambah lagi bahasa isyarat Islam dan tepati maksud...(PK8)

... isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat solat jenazah) betul dan sesuai dengan maksudnya..(PK10 dan PK11)

2. Sesuai dengan pemahaman orang pekak di Malaysia

Semua peserta kajian bersetuju bahawa sesuatu bahasa isyarat yang dibangunkan disebabkan bahasa isyarat tersebut sesuai dengan pemahaman orang pekak di Malaysia. Tambahan, penggunaan perkataan yang digunakan untuk membentuk istilah bahasa isyarat baharu ini sudah lazim dengan pemahaman orang pekak di Malaysia. Salah satu contohnya (T34: Solat Jumaat). Peserta kajian yang menyatakan tentang perkara ini adalah seperti berikut;

...gabungan isyarat solat dan jumaat sesuai bagi pendapat saya disebabkan golongan tipikal juga menggunakan gabungan perkataan yang sama ... (PK1)

...betul dan setuju dengan apa yang (dengan memanggil nama PK1) sampaikan... (PK2)

...kalau isyarat solat jumaat ini sesuai dengan pemahaman orang pekak, saya setuju...(PK3,PK4 dan PK5)

...ramai orang pekak sudah faham isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat Solat Jumaat) (PK6 dan PK9)

... isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat Solat Jumaat), selalu orang pekak Malaysia guna dan sesuai dengan pemahaman kami..(PK7 dan PK11)

... isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat Solat Jumaat) sesuai sebab ramai orang pekak sudah faham (PK8 dan PK10)

3. Memberi visual yang jelas

Gambaran visual yang jelas terhadap sesuatu isyarat adalah salah satu sebab peserta kajian bersetuju. Contohnya, Semua PK bersetuju dengan sesuatu bahasa isyarat yang dibangunkan kerana memberi visual yang jelas tentang Salah satu contohnya (T29: Doa Qunut). Perkara ini dinyatakan seperti di bawah:-

...isyarat doa Qunut memang bagi gambaran perbuatan yang jelas...(PK1,PK3, PK4, dan PK5)

...saya setuju dengan isyarat doa Qunut, ia seperti perbuatan solat kita...(PK2)

...isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat doa Qunut) memang jelas dan sampai kepada maksudnya...(PK6 dan PK10)

..saya setuju dengan isyarat itu (sambil menunjuk ke arah skrin) sebab memberi gambaran yang jelas...(PK7)

...isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat doa Qunut) terus nampak pada perbuatan yang sebenar...(PK8)

... isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat doa Qunut) orang pekak senang faham sebab memberi gambaran yang jelas..(PK9 dan PK11)

4. Bahasa isyarat sudah ada lazim dalam kehidupan seharian orang pekak

Semua peserta kajian bersetuju dengan sesuatu bahasa isyarat yang dibangunkan disebabkan bahasa isyarat tersebut sudah lazim dalam kehidupan seharian orang pekak. Salah satu contohnya (T7: Solat Isyak). Peserta kajian yang menyatakan tentang perkara ini adalah seperti berikut;

....sekiranya sudah lazim dalam kehidupan orang pekak, saya setuju... (PK1)

....kalau isyarat ini sudah lazim dalam kehidupan orang pekak dan orang pekak pun tiada salah faham, saya setuju... (PK2)

...saya setuju dengan apa yang (dengan memanggil nama PK2) katakan...(PK3,PK4 dan PK5)

....ramai orang pekak sudah faham isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat Solat Isyak) (PK6 dan PK8)

... isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat Solat Isyak), selalu orang pekak Malaysia guna...(PK9 dan PK10)

... isyarat (sambil melakukan pergerakan isyarat Solat Isyak) sesuai ramai orang pekak guna (PK7 dan PK11)

Tema sebab tidak setuju

1. Tidak ikut maksud istilah sebenar

Berdasarkan dapatan temu bual, kesemua PK tidak bersetuju dengan sesuatu bahasa isyarat yang dibangunkan kerana bahasa isyarat tersebut tidak mengikut makna istilah sebenar. Salah satu contohnya (T17: Selawat Ke Atas Nabi). Peserta kajian yang menyatakan tentang perkara ini adalah seperti berikut;

.... Isyarat ini tak membawa maksud sebenar. Selawat ke atas Nabi ini bukan bermaksud kita berdoa untuk kesejahteraan Nabi, tetapi kita mohon kepada Allah supaya Allah yang mendoakan untuk kesejahteraan Nabi...(PK1)

... saya setuju dengan (memanggil nama PK1). Ini untuk membuktikan Nabi Muhammad ini seorang insan yang sangat terpuji sehinggakan Allah sendiri memohon kesejahteraan keatas Baginda...(PK2)

...kalau isyarat doa Muhammad untuk dimaksudkan sebagai selawat, ia tidak membawa maksud hakikat maksud selawat itu.” (P3)

...isyarat doa Muhammad tak ikut maksud sebenar... (PK4 dan PK5)

...baru saya tahu.. kiranya selama ni yang saya interpret itu membawa maksud yang lebih umum, bukan maksud sebenar..(PK6)

2. Sesuai mengambil isyarat daripada Qatar

PK7 telah mengaitkan pengambilan bahasa isyarat daripada Qatar lebih sesuai dalam penilaian bahasa isyarat baharu yang dibangunkan. Sebagai salah satu contoh, (T14: Membaca surah al-Fatihah). Pernyataan beliau seperti berikut:

....isyarat ini (sambil melakukan isyarat membaca surah al-Fatihah) menunjukkan makna kepada makna al-Fatihah itu sendiri, iaitu pembukaan dan isyarat ini daripada Qatar...(PK7)

3. Bahasa isyarat sudah ada lazim dalam kehidupan seharian orang pekak

Kewujudan bahasa isyarat yang lazim juga merupakan sebab peserta kajian tidak bersetuju. Peserta kajian berpendapat supaya dikekalkan dan tidak perlu dibangunkan bahasa isyarat yang baru. Salah satu contohnya adalah (T3: Solat Subuh). Perkara ini dinyatakan seperti di bawah:-

....isyarat bagi solat Subuh yang lama telah lazim digunakan oleh orang pekak di Malaysia dalam kehidupan mereka, rata-rata mereka telah mengetahui isyarat itu bagi solat Subuh...(PK8)

..isyarat lama lebih sesuai kerana semua orang pekak telah tahu dan selalu menggunakan isyarat itu.. (PK10)

4. Perbincangan Dapatan

Secara keseluruhan, terdapat 63 bentuk bahasa isyarat baharu yang dibangunkan untuk (PdP) solat untuk orang pekak telah mendapat kesepakatan pakar daripada kedua-dua bidang iaitu dari bidang agama dan bahasa isyarat dengan mencatat Indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.87, iaitu pada tahap skala sangat baik bagi keseluruhan bahasa isyarat baharu yang dibangunkan. Daripada jumlah bentuk bahasa isyarat yang dibangunkan, terdapat 14 bentuk bahasa isyarat yang dibangunkan semula daripada bahasa isyarat yang asal seperti Jadual 1.8. Hal ini demikian kerana bahasa isyarat sebelum ini tidak sesuai dengan konteks Malaysia dan tidak dirujuk kepada pakar dalam bidang agama untuk menilai bahasa isyarat

yang dibangunkan khususnya dari segi maksud istilah tersebut (Sariah Ibrahim, 2018; Amir Hamidi, 2018).

Jadual 1.8: Bahasa isyarat yang dibangunkan semula daripada bahasa isyarat yang asal

No.(T)	Tema (T)	No. (T)	Tema (T)	No. (T)	Tema (T)	No. (T)	Tema (T)
T1	Masjid	T2	Kiblat	T3	Solat Subuh	T4	Solat Zohor
T5	Solat Asar	T6	Solat Magrib	T7	Solat Isyak	T15	Duduk Antara Dua Sujud
T18	Selawat Ke Atas Nabi	T19	Iqamat	T30	Makmum	T33	Saf
T37	Solat Jamak	T38	Solat Qasar				

Manakala, terdapat 49 bentuk bahasa isyarat baharu yang dibangunkan bagi istilah yang berkaitan dengan solat yang mana istilah tersebut lazim dalam kehidupan seharian orang pekak tetapi tiada bahasa isyarat tentang istilah tersebut seperti Jadual 1.9;

Jadual 1.9: Bahasa isyarat baharu yang masih belum ada bahasa isyarat

No.(T)	Tema (T)	No. (T)	Tema (T)	No. (T)	Tema (T)	No. (T)	Tema (T)
T8	Rukun Qauli	T9	Rukun Qalbi	T10	Rukun Fi'li	T11	Tomakninah
T12	Was-Was	T13	Doa Iftitah	T14	Membaca Al-Fatihah	T16	Tahiyat Akhir
T17	Selawat Ke Atas Nabi	T20	Sunat Ha'iah	T21	Sunat Ab'ad	T22	Sujud Sahwi
T23	Sujud Tilawah	T24	Sujud Syukur	T25	Duduk Iftirasy	T26	Duduk Tawaruk
T27	Salam Kedua	T28	Duduk Tahiyat Awal	T29	Doa Qunut	T31	Masbuk
T32	Muafik	T34	Solat Jumaat	T35	Bermustaut in	T36	Bermukim
T39	Jamak Taqdim	T40	Jamak Takhir	T41	Dua Marhalah	T42	Solat Rawatib Sebelum

T43	Solat Rawatib Selepas	T44	Solat Isyraq	T45	Solat Dhuha	T46	Solat Tahajud
T47	Solat Taubat	T48	Solat Hajat	T49	Solat Awwabin	T50	Solat Aidilfitri
T51	Solat Aidiladha	T52	Solat Tahiyatul Masjid	T53	Iktikaf	T54	Solat Jenazah
T55	Solat Jenazah Ghaib	T56	Solat Witir	T57	Solat Tasbih	T58	Solat Terawih
T59	Solat Hormat Waktu	T60	Wirid	T61	Zikir	T62	Tasbih
T63	Aurat						

Dengan adanya persetujuan daripada kedua-dua pakar bidang terhadap bahasa isyarat baharu yang dibangunkan, ia lebih menepati maksud sebenar istilah dan sesuai dengan konteks pemahaman orang pekak dan sekali gus boleh menampung kelompangan kekurangan bahasa isyarat agama seperti yang dinyatakan dalam kajian Siti Muhibbah Mohd Nor, 2010; Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2014 dan Siti Ramna Khamaruddin et al., 2018)

Berdasarkan penilaian tertinggi bahasa isyarat baharu bagi setiap peserta kajian (PK), dalam bidang agama; PK1, PK2, PK3, PK4 dan PK5 mencatat nilai persetujuan Kappa yang sangat baik iaitu $K=0.98$. Kelima-lima PK ini telah bersetuju semua tema (T) kecuali T17 (Selawat ke atas Nabi) yang mencatat nilai persetujuan Kappa yang sangat lemah bawah iaitu $K= -0.4$. Hal ini kerana PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK 6 dari bidang bahasa isyarat tidak bersetuju dengan isyarat T17 iaitu gabungan isyarat doa dan Nabi Muhammad. PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK 6 mencadangkan supaya ditambah isyarat “Allah” bagi isyarat T17 pada awalnya. Hal ini merujuk kepada maksud sebenar selawat iaitu memohon doa kepada Allah supaya Allah mendoakan untuk kesejahteraan Nabi Muhammad. PK1 menyatakan “*Selawat ke atas Nabi ini bukan bermaksud kita berdoa untuk kesejahteraan Nabi, tetapi kita mohon kepada Allah supaya Allah yang mendoakan untuk kesejahteraan Nabi*”. Kenyataan ini juga telah disokong oleh PK2 mengatakan bahawa “*Ini untuk membuktikan Nabi Muhammad ini seorang insan yang sangat terpuji sehinggakan Allah sendiri memohon kesejahteraan keatas Baginda*”. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan surah al-Ahzab 33:56 yang bermaksud: *Sungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad. Wahai orang-orang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

Namun begitu, PK7, PK8, PK9, PK10 dan PK11 bersetuju dengan isyarat T17 iaitu gabungan isyarat doa dan Nabi Muhammad sahaja. Hal ini kerana bagi mengelakkan salah faham khususnya bagi orang pekak yang mempunyai latar pendidikan yang rendah. Tegas PK11 *“Walaupun selawat ke atas Nabi itu bermaksud kita memohon kepada Allah supaya Allah mendoakan kesejahteraan ke atas Nabi, tetapi ini akan menambahkan salah faham dikalangan orang pekak”*. Tambahan PK8 *“Orang pekak akan berfikir seolah-olah Allah itu lebih rendah kedudukannya dari Nabi Muhammad kerana isyarat Allah doa Nabi Muhammad”*. Justeru, bagi mengelak salah faham dikalangan orang pekak isyarat T17 dinilai semula dan dipersetujui isyarat T17 seperti gabungan isyarat doa dan Nabi Muhammad. Seperti yang dikatakan oleh PK9 *“Lebih baik isyarat selawat ke atas Nabi ini memberi makna secara umum walaupun kita tidak tahu sama ada manusia atau Allah sendiri yang selawat, hal ini boleh diperjelaskan semasa proses pnp berlangsung”*. Justeru, dalam penilaian ini selain daripada meneliti maksud bagi sesuatu istilah tersebut, pemahaman untuk orang pekak juga diambil kira dengan mengambil pemahaman mereka secara umum bukan hanya mengikut tahap umur tetapi tahap pendidikan juga dikira seperti yang disarankan dalam kajian Stokoe (2005).

Manakala, berdasarkan penilaian tertinggi bahasa isyarat baharu bagi setiap peserta kajian (PK) dalam bidang bahasa isyarat, PK10 telah mencapai nilai persetujuan Kappa yang sangat baik iaitu $K=0.98$. PK10 telah bersetuju semua tema (T) kecuali T3 (Solat Subuh) yang mencatat nilai persetujuan Kappa yang lemah iaitu $K= 0.6$. Hal ini kerana, PK 10 dan PK8 tidak bersetuju dengan isyarat T3 seperti gabungan isyarat “solat” dan “pagi”. PK 10 dan PK8 bersetuju dengan penggunaan bahasa isyarat lama T3 seperti gabungan isyarat”solat” dan “pagi dengan membentuk huruf S sebagai simbol untuk menunjukkan Subuh”. PK8 mengatakan *“Isyarat bagi solat Subuh yang lama telah lazim digunakan oleh orang pekak di Malaysia dalam kehidupan mereka, rata-rata mereka telah mengetahui isyarat itu bagi solat Subuh”*.

Namun hal ini tidak dipersetujui oleh PK1, PK2, PK 3, PK 4, PK 5, PK6, PK 7, PK9 dan PK11. Tegas PK9 menyatakan *“Berdasarkan pengalaman saya dengan jurubahasa isyarat lain di luar negara, isyarat ini (sambil melakukan isyarat lama T3) membawa maksud lucah iaitu alat sulit dan bagi saya isyarat ini tidak sesuai diamalkan di Malaysia”*. PK6 juga memberi hujahan yang sama berdasarkan pengalaman menjadi jurubahasa isyarat untuk program antarabangsa, *“Jurubahasa isyarat luar negara akan ketawa jika saya melakukan isyarat itu, dan mereka ingatkan saya tengah membuat lawak kotor sedangkan saya tengah isyarat mengenai ceramah agama semasa forum antarabangsa orang pekak berlangsung”*. Walaupun isyarat T3 ini membawa salah faham mengenai waktu pagi solat Subuh itu sendiri tetapi lebih baik daripada mengambil maksud yang lucah seperti yang difahami oleh orang pekak luar negara. PK3 dan PK 4 berpendapat mengenai waktu Solat Subuh itu boleh diperjelaskan semasa proses (PdP) berlaku. PK4 mengatakan *“Sekiranya tidak diperjelaskan oleh PK9 dan PK6 (dengan memanggil nama PK), saya sendiri tidak mengetahui maksud*

isyarat tersebut". PK3 turut bersetuju dan mengatakan "*Mengenai waktu solat Subuh itu boleh diterangkan semasa pnp berlangsung walaupun isyarat ini menggunakan gabungan isyarat "solat" dan "pagi"*". Dalam penilaian bahasa isyarat, sekiranya sesuatu bentuk bahasa isyarat itu membawa maksud yang tidak baik, ia tidak boleh diambil walaupun maksud isyarat itu difahami oleh orang pekak luar negara sahaja (J.G. Kyle & B.Woll, 1985).

Seterusnya, berdasarkan penilaian terendah bahasa isyarat baharu bagi setiap peserta kajian (PK) dalam bidang bahasa isyarat, PK7 telah mencapai nilai persetujuan Kappa yang sederhana lemah, $K=0.39$ dengan bersetuju 44 tema ($fa=44$) dan sembilan belas tema tidak bersetuju. Hal ini kerana PK 7 mempunyai pengaruh yang kuat dalam penggunaan bahasa isyarat Qatar. Contohnya, isyarat T14 (Membaca al-Fatihah), PK7 berpendapat isyarat bagi membaca al-Fatihah seperti kedua-dua tangan membentuk huruf "V" dan menghadap antara satu sama lain (tangan kiri menghadap ke kanan dan tangan kanan menghadap ke kiri), kemudian mengerakkan kedua-dua tangan seperti membuka kedua-dua pintu. PK7 berkata "*Isyarat ini menunjukkan makna kepada makna al-Fatihah itu sendiri, iaitu pembukaan dan isyarat ini daripada Qatar*" (PK7).

Namun begitu, semua peserta kajian (PK) bersetuju dengan isyarat membaca al-Fatihah seperti gabungan daripada isyarat "baca" dan tangan kanan membentuk huruf "F" dan bergerak seperti membentuk huruf hijaiyyah "ف". Semua PK6, PK8, PK9, PK10 dan PK11 bersetuju bahasa isyarat ini telah meluas digunakan dikalangan orang pekak Malaysia dan lazim dalam perbualan mereka. Tambahan, PK8 berkata "*Isyarat ini juga membantu orang pekak mengeja al-Fatihah dan dalam masa yang sama mempelajari kod huruf hijaiyyah*" (PK8).

Selain itu, bagi isyarat T1 (Masjid) PK7 menyatakan lebih sesuai menggunakan isyarat masjid seperti isyarat yang digunakan di Qatar. Isyaratnya seperti tangan kiri melintang dengan tangan yang terbuka, dan tangan kanan menegak keatas sambil jari membentuk isyarat bulan seperti bentuk bulan di kubah masjid. Menurut PK7 "*Saya setuju dengan isyarat ini kerana zaman kita sekarang bukan semua masjid mempunyai kubah, ada setengahnya berbentuk seperti bangunan Cina contohnya di Melaka, dan bagi saya penggunaan bentuk (sambil menunjukkan tangan kanan menegak keatas sambil jari membentuk isyarat bulan) sudah menunjukkan indentiti masjid itu sendiri*" (PK7).

Namun begitu, semua PK (PK1, PK2, PK3, PK4, PK5, PK6, PK8, PK9, PK 10 dan PK11 setuju isyarat masjid yang dipersetujui seperti kedua-dua tangan membentuk isyarat huruf "M" dan membuat bentuk seperti kubah masjid. Hal ini kerana, bahasa isyarat bagi T1 telah digunakan secara meluas oleh ramai orang pekak di Malaysia dan lazim dalam perbualan mereka. Tegas PK8 "*Bagi pendapat saya sebagai rakyat Malaysia mesti kita raikan bahasa*

isyarat daripada negara kita sendiri berbanding dengan mengambil bahasa isyarat dari negara orang lain” (PK8).

Dalam penilaian bahasa isyarat ini, ada pelbagai aspek yang telah diambil berat bagi menghasilkan bahasa isyarat yang betul khususnya yang berkaitan dengan agama. Sesuatu penilaian bahasa isyarat tersebut mesti berlandaskan maksud sebenar istilah dari sudut agama dan disesuaikan dengan kefahaman orang pekak. Bentuk bahasa isyarat yang membawa makna yang tidak baik tidak diambil seperti mana yang disarankan oleh J.G. Kyle & B. Woll (1985). Hal ini bagi mengelakkan salah faham sekiranya orang pekak negara tersebut bergaul dengan orang pekak di luar negara. Dalam penilaian bahasa isyarat ini juga, pengambilan bahasa isyarat luar hanya pada istilah tempat atau kata nama khas sahaja (J.G. Kyle & B. Woll, 1985). Hal ini kerana dalam sesebuah bahasa isyarat dibentuk berdasarkan cara hidup atau budaya kepada komuniti pekak itu sendiri bukan diambil daripada komuniti pekak negara lain (Ceil Lucas, 2001).

5. Kesimpulan

Pembangunan bahasa isyarat baharu yang dibangunkan untuk (PdP) solat untuk orang pekak telah mendapat kesepakatan pakar daripada kedua-dua bidang iaitu dari bidang agama dan bahasa isyarat dengan mencatat Indeks pekali Cohen Kappa pada tahap 0.87, iaitu pada tahap skala sangat baik bagi keseluruhan bahasa isyarat baharu yang dibangunkan. Walaubagaimanapun, bahasa isyarat baharu yang dibangunkan mesti dijelaskan dengan lebih mendalam semasa proses (PdP) solat berlaku. Diharapkan dengan adanya penilaian ini, dapat menyediakan bahasa isyarat yang selari dengan makna agama dan kefahaman orang pekak di Malaysia.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dan terima kasih diberikan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas pemberian “Matching Grant” (USIM/NESDA/MG/FPQS/055012/70217), kepada Fakulti Pengajian Quran Sunnah dan Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) atas kerjasama dan sumbangan dalam menghasilkan artikel ini.

Rujukan

Abdullah Yusoff, & Che Rabiah Mohamed. (2009). Memartabatkan bahasa orang Pekak. *Deaf Empowerment Through Sign language Research*, 1, 73-93.

- Abdullah, Y. (2014). *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir, H. (2018, Mac 3). Cabaran golongan OKU Pendengaran mempelajari al-Quran. (K. Siti Ramna, Penemu duga).
- Barclay, D., Rider, M., & Dombo, E. (2013). Spiritually, religion and mental health among deaf and hard of hearing people: A review of the literature. *Journal of the American Deafness & Rehabilitation Association (JADARA)*, 1(46).
- Ceal Lucas. (2001) *The Sociolinguistics of Sign Languages*. Cambridge University Press.
- Cohen, J. 1960. A coefficient for agreement for nominal scales. *Educational dan Psychological Measurement*, 37-46.
- Friedner, M. (2014). The church of deaf sociality: Deaf churchgoing practices and “sign bread and butter” in Bangalore, India. *Anthropology & education quarterly*, 1(45), 39-53.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah, A., & Safani Bari. (2010)^a. Amalan Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid sekolah kebangsaan pendidikan khas masalah pendengaran: satu kajian kes. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*. 1(4), pp. 163 – 171. Bangi: UKM.
- Hamdi Ishak. (2010)^b. *Pekak Dan Bisu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haung, T. (2012). A review of sign language acquisition studies as the basis for informed decisions for sign language test adaption. *Sign Language & Linguistics* .(15)2. 213-239
- J. G. Kyle, B. Woll. (1985). *The Study of Deaf People and Their Language*. Cambridge University.
- John W. Creswell. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. SAGE.
- Kincaid (2012). Exploring the use of auditory and verbal strategies and specific visual teaching systems of itinerant teachers of students who are deaf and hard of hearing. (Thesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan. Universiti Queen’s. Canada
- Landis, J. & Kosh, G.G. 1977. The measurement of observer agreement for categorical data. *Biometrics*, 33 : 159-174.
- Lieberman, A., Borovsky, A., Hatrak, M., & Mayberry, R. (2014). Real-Time Processing of ASL Signs : Effects of Linguistic Experience and Proficiency. *BUCLD 38 Proceedings University of California*, (hlm. 23-26).
- Loughran, S. (2013). Cultural Identity, Deafness and Sign Language: A postcolonial approach. *LUX: A Journal of Transdisciplinary Writing and Research from Claremont Graduate University*, 1(2), 1-8.



- McKee, R. L., & McKee, D. (2014). Making an Online Dictionary of New Zealand Sign Language. *Lexikos*, 23(1), 500-531
- Mohd Huzairi, A., Hajarul Bahti, Z., Bani Hidayat, M., Nor Hayati Fatmi, T., & Nabiroh, K. (2010). Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran Fardhu Ain: Cabaran terhadap guru. *Proceedings of the 4th International Conference on teacher education* (pp. 240-250). Join Conference UPI & UPSI.
- Muhammad Sayuti, S., Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli, M., Nazean, J., Nor 'Aziah, M., & Noor Fadilah, M. (2016). Tinjauan Pelaksanaan Pendidikan al-Quran Bagi Golongan Pekak di Malaysia. *Jurnal al-Turath*, 1(2), 43-51.
- Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia. (2014). *Isyarat-isyarat Islam*. Selangor: Percetakan Info Meditasi Sdn. Bhd.
- Ross, A. D., & Pagano, T. (2009). Development of curriculum to teach the "soft skills" necessary for the future deaf and hard-of-hearing laboratory technician workforce. *Journal of science education for students with disabilities*. 13(1). 17-28.
- Sariah, I. (2018, Mac 3). Cabaran golongan OKU Pendengaran mempelajari al-Quran. (K. Siti Ramna, Penemu duga)
- Siti Muhibah Nor. (2010). Kesukaran Pemahaman murid – murid bermasalah pendengaran terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. *Prosedings First Annual Inclusive Education Practices Conference*. 122 – 130
- Steven, S.S. 1958. Problems and methode of psychophysics. *Psychological Bulletin*. LV, 177-196.
- Siti Ramna, K., Nurul Asiah Fasehah, M., Norakyairee, M., Adnan, M., Mahyuddin, H., Noornajihan, J., & Mohd Nur Adzam, R. (Jun, 2018). Analisis Keperluan Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia bagi Terminologi Ibadah. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 4, 63-68.
- Syar Meeze, M. Norlidah, A., Nazean, J., Mohd Yakub Zulkifli, M.Y., Zahiah, H. (2014, Oktober). Kepentingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Dalam Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) Terhadap Komuniti Pekak. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(4), 27-33
- Syar Meeze Mohd Rashid. (2015). Reka bentuk kurikulum bahasa isyarat Malaysia (BIM) untuk golongan pekak bagi perkara asas fardhu ain (PAFA). Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Syar Meeze, M., Mohd Hanafi, M., & Noraidah, S. (2017, November). Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia di dalam Terjemahan Maksud Surah al-Fatihah. *Gema Online: Journal of Language Studies*, 17(4), 209-224.
- Wilbur, R. (2013). Changing How we think about sign language, geesture, and agreement. *Sign Language and Linguistic*, 2(16), 221-258.



William C. Stokoe; Sign Language Structure: An Outline of the Visual Communication Systems of the American Deaf, *The Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, Jilid 10, Bil. 1, 1 Januari 2005, 3–37.



Zakarna. N, Samreen. S, Eldin. R.S., & Jasim. N.F. (2013). First Intenational Forum for the Deaf Muslims: Deaf Muslims Organization. Dohar-Qatar. The Qatar Centre of Social Culture for the deaf.



Lampiran 1

Berikut adalah contoh ilustrasi bahasa isyarat baharu yang dihasilkan bagi kegunaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) solat bagi orang pekak;

Bil.	Perkataan	Bahasa Isyarat Lama	Bahasa Isyarat Baharu
1	Solat Zohor		
		<p>Rajah 1: Ilustrasi ini menunjukkan gabungan isyarat bagi perkataan solat dan tengahari. Kebiasaannya tengahari difahami sebagai waktu yang menunjukkan 12.00 tengahari ketika kedudukan matahari berada tegak di garisan Meridian samawi Tempatan. Namun begitu, waktu zohor adalah ketika matahari gelincir ke arah barat.</p>	<p>Rajah 2: Ilustrasi ini adalah gabungan isyarat daripada perkataan solat dan zohor. Isyarat zohor mengambil konsep dan bentuk isyarat petang namun hanya sedikit sahaja condong dan disyaratkan Z sebagai mewakili zohor. Isyarat ini lazimnya sudah digunakan di sekolah-sekolah pendidikan khas OKU Pendengaran.</p>

2	Iqamat		
		<p>Rajah 3: Ilustrasi ini adalah gabungan daripada perkataan azan dan lepas yang menunjukkan bahawa Iqamat dilafazkan selepas azan.</p>	<p>Rajah 4: Ilustrasi yang pertama menunjukkan perbuatan seseorang semasa melafazkan iqamat sebagai tanda akan bermulanya solat. Namun begitu, isyarat ini seperti perbuatan qari atau qariah semasa Musabaqah Tilawah al-Quran. Oleh yang demikian, ilustrasi kedua iaitu isyarat bagi perkataan solat digabungkan bagi memurnikan maksud isyarat perkataan tersebut.</p>

3	Duduk antara dua sujud		
<p>Rajah 5: Ilustrasi ini adalah gabungan daripada perkataan duduk yang terhad maksudnya perbuatan duduk antara dua sujud dan perkataan antara.</p>		<p>Rajah 6: Ilustrasi ini adalah gabungan daripada perkataan duduk dan perbuatan meletakkan tangan diatas paha ketika duduk antara dua sujud. Bagi isyarat duduk, isyarat ini membawa maksud yang yang lebih umum, bukan hanya perbuatan duduk antara dua sujud yang lazim dilakukan, namun termasuk orang sakit yang solat duduk diatas kerusi.</p>	

<p>4</p>	<p>Solat Jamak</p>		
	<p>Rajah 7: Ilustrasi ini adalah terdiri daripada empat gabungan perkataan solat, dua, dapat dan satu. Ilustrasi ini membawa maksud dua solat fardhu yang dapat dikumpulkan dan ditunaikan dalam satu waktu yang sama</p>	<p>Rajah 8: Ilustrasi yang pertama menunjukkan isyarat solat. Dan ilustrasi kedua menerangkan solat fardhu yang mempunyai empat rakaat (bentuk empat jari bagi tangan kanan) digabungkan dengan solat fardhu lain yang mempunyai empat rakaat (bentuk empat jari bagi tangan kanan). Namun begitu, semasa sesi PdP perlu dijelaskan terutamanya mengenai Solat Maghrib.</p>	

Lampiran 2

Data keseluruhan penilaian

Jadual 1.3 : Data keseluruhan penilaian bahasa isyarat baru bagi setiap peserta kajian (PK)

Tema	Perkataan	PK1		PK2		PK3		PK4		PK5		PK6		PK7		PK8		PK9		PK10		PK11	
		S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS
T1	Masjid	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		/		
T2	Kiblat	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T3	Solat Subuh	/		/		/		/		/		/			x	/				x	/		
T4	Solat Zohor	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T5	Solat Asar	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	

T6	Solat Maghrib	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T7	Solat Isyak	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T8	Rukun Qauli	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T9	Rukun Qalbi	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T10	Rukun Fi'li	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T11	Tomakninah	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T12	Was-Was	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T13	Doa Iftitah	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	

Penilaian Bahasa Isyarat Baharu untuk Pengajaran dan Pembelajaran Solat

T14	Membaca Al-Fatihah	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		/	
T15	Duduk Antara Dua Sujud	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		/	
T16	Tahiyat Akhir	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		/	
T17	Selawat Ke Atas Nabi		x		x		x		x		x	/		/		/		/		/		
T18	Salam Pertama	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		/	
T19	Iqamat	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		
T20	Sunat Ha'iah	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		
T21	Sunat Ab'ad	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		

T22	Sujud Sahwi	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		x
T23	Sujud Tilawah	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T24	Sujud Syukur	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T25	Duduk Iftirasy	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		x
T26	Duduk Tawaruk	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		x
T27	Salam Kedua	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		/
T28	Duduk Tahiyat Awal	/		/		/		/		/		/		x	/		/		/		/
T29	Doa Qunut	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	

Penilaian Bahasa Isyarat Baharu untuk Pengajaran dan Pembelajaran Solat

T30	Makmum	/		/		/		/		/			x		x	/			x	/			x
T31	Masbuk	/		/		/		/		/			x		x	/			x	/			x
T32	Muafik	/		/		/		/		/			x		x	/			x	/			x
T33	Saf	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T34	Solat Jumaat	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T35	Bermustautin	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T36	Bermukim	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T37	Solat Jamak	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T38	Solat Qasar	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	

T39	Jamak Taqdim	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T40	Jamak Takhir	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T41	Dua Marhalah	/		/		/		/		/		x	/		/		/				x
T42	Solat Rawatib Sebelum	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T43	Solat Rawatib Selepas	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T44	Solat Isyraq	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T45	Solat Dhuha	/		/		/		/		/		/		/			x	/		/	
T46	Solat Tahajud	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	

Penilaian Bahasa Isyarat Baharu untuk Pengajaran dan Pembelajaran Solat

T47	Solat Taubat	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T48	Solat Hajat	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T49	Solat Awwabin	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T50	Solat Aidilfitri	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T51	Solat Aidiladha	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T52	Solat Tahiyatul Masjid	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T53	Iktikaf	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T54	Solat Jenazah	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	

T55	Solat Jenazah Ghaib	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T56	Solat Witir	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T57	Solat Tasbih	/		/		/		/		/		x	/		/		/		/		
T58	Solat Terawih	/		/		/		/		/		/		/		/		/		/	
T59	Solat Hormat Waktu	/		/		/		/		/		x	/		/		/				x
T60	Wirid	/		/		/		/		/		x	/		/		/				x
T61	Zikir	/		/		/		/		/		x	/			x	/				x
T62	Tasbih	/		/		/		/		/		x	/		/		/		/		

Penilaian Bahasa Isyarat Baharu untuk Pengajaran dan Pembelajaran Solat

T63	Aurat	/		/		/		/		/		/		/			x		x			/	
		PK1		PK2		PK3		PK4		PK5		PK6		PK7		PK8		PK9		PK10		PK11	
		S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS	S	TS
		62	1	62	1	62	1	62	1	62	1	59	4	44	19	61	2	57	6	62	1	53	10

(Rujukan: S = Setuju,

TS = Tidak Setuju

